



## PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

### NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah terbuka kepada syarikat-syarikat tempatan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi menyertai sebut harga berikut:

BIL.	NO. / TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN SYARIKAT	SESI TAKLIMAT	TARIKH, MASA DAN TEMPAT MENDAPATKAN DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TUTUP PELAWAAN
1.	<p>Sebut Harga Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji, Mentauliah Dan Menyenggara Peralatan Rangkaian ICT Mesra Alam Yang Memenuhi Keperluan Hijau Secara Sewaan Untuk Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun</p> <p><b>No. Sebut Harga:</b></p> <p><b>PKB/PKH/2024/01</b></p>	<p>Berdaftar dengan <b>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)</b> dalam kod bidang:</p> <p><b>210102,</b> <b>210105,</b> dan <b>210107</b></p>	<p><b>TARIKH:</b> <b>20 Jun 2024 (Khamis)</b></p> <p><b>MASA:</b> <b>10.00 pagi</b></p> <p><b>TEMPAT:</b> <b>Ruang Taklimat PKB</b> Aras 2, Lot 59, Rumah ROHAS, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur</p> <p><b>(DIWAJIBKAN HADIR)</b></p>	<p><b>20 Jun 2024 (Khamis)</b></p> <p>sehingga</p> <p><b>26 Jun 2024 (Rabu)</b></p> <p>Bertempat di:</p> <p><b>Kaunter Aras Bawah</b> Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, Aras 2, Lot 61, Rumah ROHAS, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur</p>	<p><b>5 Julai 2024 (Jumaat), 12.00 Tengahari</b></p> <p>Bertempat di:</p> <p><b>Kaunter Aras Bawah</b> Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, Aras 2, Lot 61, Rumah ROHAS, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur</p>

- Sesi Taklimat akan diadakan pada **20 Jun 2024 (Khamis)**. Masa dan tempat adalah seperti jadual di atas. Syarikat yang ingin menyertai sebut harga **DIWAJIBKAN** hadir taklimat.
- Dokumen Sebut Harga boleh didapati secara **PERCUMA** di alamat seperti jadual di atas.
- Hanya Penama yang tercatat dalam **Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan (MOF)** sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan mengambil dokumen sebut harga. Selain daripada nama yang tercatat dalam Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat MOF tersebut, wakil yang dilantik hendaklah mengemukakan surat Wakil Kuasa (Asal) dan membawa bersama Sijil Asal dan satu Salinan (salinan tidak akan dikembalikan).
- Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebut Harga** pada sebelah atas kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** sebelum/ pada **5 Julai 2024 (Jumaat), jam 12.00 tengahari** di Kaunter Aras Bawah, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB).
- Sebutharga yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. PKB tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah.
- Dokumen Meja Sebut Harga disediakan dan boleh disemak di pejabat ini pada waktu pejabat.
- Sebarang Pertanyaan boleh menghubungi: **03-2692 6733/ 03-2693 5733**.



PERBADANAN PEMBANGUNAN  
KAMPONG BHARU

**PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU**

**NO. SEBUT HARGA: PKB/PKH/2024/01**

<b>TAJUK SEBUT HARGA</b>	<b>HARGA INDIKATIF JABATAN (HIJ)</b>
PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGKONFIGURASI, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYENGGARA PERALATAN RANGKAIAN ICT MESRA ALAM YANG MEMENUHI KEPERLUAN HIJAU SECARA SEWAAN UNTUK PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN	RM478,800.00

**Nota:**

- 1.1 Harga indikatif jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Perbadanan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 1.2 Pihak Perbadanan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh melaksanakan pembekalan/perkhidmatan dengan bersandarkan harga indikatif jabatan.